



Selesaikan tebatan banjir

Kerajaan negeri diminta jaga kualiti hidup rakyat

JANATUL FIRDAUS YAACOB

SHAH ALAM – Kerajaan Selangor dan pihak berkuasa tempatan (PBT) digesa mengeluarkan belanja bagi menyelesaikan projek tebatan banjir demi menjamin kualiti hidup rakyat.

Gesaan itu diajukan Adun Seri Muda, Shuhaimi Shafiei, berikutan hujan lebat melanda Lembah Klang hingga terdapat beberapa kawasan terjejas akibat banjir kilat.

Semalam, paras air meningkat mendadak terutamanya di sekitar Taman Rimau Perdana, Taman Alam Indah dan persekitaran Bukit Rimau. Kelmarin Pekan Batu Arang turut ditenggelami banjir lumpur; dan isu berkaitan banjir itu dikaitkan dengan masalah saliran yang didakwa tidak berkesudahan.

Menurut Shuhaimi, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS) tidak berupaya melaksanakan

program tebatan banjir secara holistik atasa alasan kekurangan bajet daripada kerajaan negeri.

“Tiada makna sekiranya kerajaan negeri mengumumkan bajet berpuluh juta namun kesejahteraan hidup rakyat diabaikan dengan alasan tidak cukup kos.

“Buat apa ada duit banyak kalau tak belanja? Pada pandangan saya, isu banjir kilat ini sewajarnya diselesaikan oleh JPS, Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan juga jurutera Daerah Klang dan Petaling,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Shuhaimi turut melahirkan kebimbangan ekoran keadaan cuaca yang tidak menentu ketika ini dan ditambah dengan Monsun Timur Laut yang biasanya melanda setiap penghujung tahun.

“Saya tidak mahu penduduk kawasan berisiko banjir ini mengalami nasib sama saban tahun. Mereka ti-

dak sewajarnya menanggung beban yang tak sepatutnya.

“Kalau tak bersedia dari awal pastinya banjir kilat seperti 2012 yang seminggu tujuh kali air naik akan berulang,” katanya.

Dalam pada itu, beliau beberapa kali mendesak kerajaan negeri dan PBT ambil tindakan segera dan memikirkan langkah jangka pendek dan panjang bagi menyejahterakan rakyat.

“Sudah beberapa kali isu banjir kilat ini dibawa dalam mesyuarat kerajaan negeri namun tiada langkah proaktif yang diambil bagi menyelesaikannya,” katanya.

Sementara itu, banjir yang berlaku di Taman Rimau Perdana, Taman Alam Indah, persekitaran Bukit Rimau kembali terkawal selepas hujan reda dan tiada arahan pemindahan penduduk dikeluarkan.

“Diharapkan isu ini tidak di-



Kawasan berisiko yang turut memusnahkan harta benda rakyat wajar diselesaikan.

pandang remeh walaupun ia hanya melanda pada musim tengkujuh dan hujan lebat sahaja namun sekiranya

tidak ditangani akan terus menjerumuskan, rakyat menanggung risiko katanya.